

08 SEP 1998

Mahathir-Pelucutan

PELUCUTAN ANWAR TIDAK JEJAS KETENTERAMAN, KATA MAHATHIR

BANGI, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan menjejaskan ketenteraman awam.

"Tidak, saya tidak fikir demikian, hakikat bahawa urusan niaga pasaran saham kita meningkat dan secara amnya rakyat Malaysia lebih berdisiplin, kita tidak menjangka masalah seperti itu," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak berfikir rakyat inginkan seorang pemimpin "yang mempunyai moral begitu rendah yang terlibat dengan kegiatan yang tidak sepatutnya melibatkan seorang pemimpin di peringkat itu."

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM) di sini, Dr Mahathir berkata, Anwar sedang cuba sedaya upaya untuk memaksa pihak berkuasa menahannya supaya beliau boleh jadi wira rakyat.

Dengan menahan beliau, Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata media asing akan menyiarkan "macam-macam mengenai kerajaan autoritarian di Malaysia."

Dr Mahathir berkata tidak ada sekatan terhadap pergerakan Anwar.

Mengenai cadangan Anwar untuk mengadakan "road-show" untuk membersihkan namanya daripada segala tuduhan, Dr Mahathir berkata Anwar tidak perlu berbuat demikian.

"Apa sebab nak buat 'road-show'. Saya tak tahu kenapa (kerana ini) soal peribadi dia. Kita ambil tindakan terhadap dia kerana masalah peribadi dia, masalah moral dia yang tidak baik.

"Tapi dia cuba nak bawa perhatian (orang ramai) kepada masalah peribadi dia, tuduhan terhadap dia kononnya untuk menegakkan reformasi," kata beliau.

Perdana Menteri berkata pergerakan reformasi (yang dilaung-laungkan oleh Anwar) itu adalah satu ciptaan semata-mata untuk mengabui mata masyarakat.

Dr Mahathir juga berkata mereka yang menggunakan penuntut-penuntut universiti untuk menuntut keadilan sebenarnya "hampir bankrap".

"Anda boleh membawa penuntut-penuntut dan minta mereka berbuat sesuatu untuk anda bukan seperti orang awam. Orang awam mesti sedia memberi sokongan secara sukarela."

"Apabila anda pergi mengambil penuntut universiti untuk menyokong anda dan memberikan sokongan moral kepada anda, saya rasa anda hampir bankrap.

Mengenai penyertaan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) dalam pergerakan reformasi Anwar, Dr Mahathir berkata: "NGO kerja dia begitulah."

Beliau juga membidas media asing yang suka membuat andaian mereka sendiri walaupun penjelasan diberi mengenai pemecatan Anwar.

Menurut beliau, media asing dipengaruhi oleh mereka yang memilikinya dan "mereka tidak pernah menyatakan apa-apa yang baik mengenai Malaysia."

Dr Mahathir berkata, sebagai contoh media asing enggan menyiarkan apa-apa berita apabila pasaran saham tempatan menunjukkan prestasi yang baik selepas beberapa langkah pemulihan ekonomi diperkenalkan.

Perdana Menteri berkata, nampaknya media asing memandang tinggi kualiti bekas Timbalan Perdana Menteri kerana "beliau sanggup berbuat apa sahaja yang mereka mahu."

"Kita tidak boleh memuaskan hati media asing kerana mereka mempunyai agenda tersendiri iaitu rakyat Malaysia orang yang tidak baik dan Malaysia

tempat yang tidak baik," kata Dr Mahathir.  
-- BERNAMA  
ES PR